



NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan ke Dua Puluh Tiga ("MAT ke-23") Tenaga Nasional Berhad ("TNB") akan diadakan pada hari Khamis, 19 Disember 2013, pada jam 10.00 pagi di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan TNB, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur bagi tujuan melaksanakan urusan-urusan seperti berikut:

AGENDA

SEBAGAI URUSAN BIASA:

- Untuk menerima Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit bersama-sama dengan Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit mengenainya bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Ogos 2013.
Sila rujuk Nota (i) kepada Nota-nota Penerangan untuk Urusan-urusan Biasa.
- Untuk meluluskan pengisytiharan dividen (*single-tier*) akhir sebanyak 15.0 sen sesaham biasa bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Ogos 2013.
- Untuk meluluskan pembayaran elau-elau Pengarah seperti berikut:
 - Penambahan elau Pengarah berjumlah RM180,000.00 setahun bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM120,000.00 setahun bagi Pengarah Bukan Eksekutif berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013;
 - Pembayaran elau Pengarah berjumlah RM1,900,000.00 bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Ogos 2013.
- Untuk memilih semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara menurut Artikel 135 kepada Tatuusur Syarikat:
 - Datuk Nozirah binti Bahari;
 - Datuk Chung Hon Cheong.
- Untuk melantik semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965 ("Akta") untuk terus memegang jawatan sebagai Pengarah sehingga berakhirnya Mesyuarat Agung Tahunan ("MAT") yang akan datang:
 - Tan Sri Leo Moggie;
 - Tan Sri Dato' Seri Siti Norma binti Yaakob.
- Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers, yang bersetuju untuk dilantik sebagai Juruaudit Syarikat dan berkhidmat sehingga berakhirnya MAT yang akan datang dan memberi kuasa kepada Pengarah-pengarah untuk menetapkan ganjaran mereka.

Resolusi Biasa 1

Resolusi Biasa 2
Resolusi Biasa 3

Resolusi Biasa 4
Resolusi Biasa 5

Resolusi Biasa 6
Resolusi Biasa 7

Resolusi Biasa 8

SEBAGAI URUSAN KHAS:

Untuk mempertimbangkan dan jika difikirkan sesuai, meluluskan Resolusi-resolusi seperti berikut:

- Cadangan Penyambungan Perkhidmatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas menurut Cadangan 3.3 kepada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012.
"BAHAWA Dato' Zainal Abidin bin Putih yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat untuk tempoh perkhidmatan lebih daripada sembilan (9) tahun, adalah dengan ini diberi kuasa untuk terus berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat dan untuk memegang jawatan sehingga tamat MAT Syarikat yang akan datang."
- Cadangan untuk memperbaharui kuasa bagi pembelian saham sendiri oleh Syarikat.
"BAHAWA bertakluk kepada peruntukan Akta, Tatacara dan Tatuusur Syarikat, Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("MMLR") dan semua undang-undang yang terpakai, garis panduan-garis panduan dan peraturan-peraturan berkaitan yang berkuat kuasa pada masa ini atau dipinda dari masa ke semasa, serta kelulusan semua pihak berkuasa yang berkaitan, dengan ini Syarikat diberi kuasa untuk membeli sejumlah saham biasa bernilai RM1.00 sesaham di dalam modal terbitan dan modal saham berbayar Syarikat melalui Bursa Malaysia Securities Berhad ("BMSB") menurut terma-terma dan syarat-syarat di mana menurut pertimbangan Pengarah-pengarah Syarikat ("Lembaga Pengarah") adalah wajar dan perlu untuk kepentingan Syarikat, dengan syarat bahawa:
 - bilangan agregat saham yang dibeli menurut resolusi ini tidak melebihi 10% daripada jumlah modal terbitan dan modal saham berbayar Syarikat ("Cadangan Pembelian Balik Saham");
 - jumlah maksimum dana yang akan digunakan bagi tujuan Cadangan Pembelian Balik Saham hendaklah tidak melebihi agregat untung tertahan dan/atau akaun premium saham yang diperuntukkan oleh Syarikat pada masa pembelian bagi Cadangan Pembelian Balik Saham tersebut;
 - kuasa yang diberi di bawah resolusi ini akan bermula dengan serta-merta berikutan daripada kelulusan resolusi ini dan akan terus berkuat kuasa sehingga:
 - berakhirnya MAT Syarikat yang akan datang di mana kuasa itu akan luput melainkan ia diperbaharui, sama ada tanpa syarat atau bertakluk kepada syarat-syarat, melalui resolusi biasa yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Syarikat pada mesyuarat agung;
 - tamat tempoh yang ditetapkan oleh undang-undang bagi mengadakan MAT yang akan datang;
 - kuasa itu dimansuh atau diubah melalui resolusi biasa yang diluluskan oleh pemegang-pemegang saham Syarikat pada mesyuarat agung,

Resolusi Biasa 9

Resolusi Biasa 10

yang mana terdahulu."
"DAN BAHAWA Lembaga Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk menentukan menurut budi bicara mereka, sama ada saham biasa yang dibeli oleh Syarikat akan disimpan sebagai saham perbendaharaan atau membatalkannya atau kedua-dua sekali dan/atau untuk menjual semula saham-saham tersebut melalui BMSB dan/atau mengagihkannya sebagai dividen-dividen saham."
"DAN BAHAWA Lembaga Pengarah adalah dengan ini diberi kuasa untuk mengambil tindakan tertentu bagi menyempurnakan Cadangan Pembelian Balik Saham dengan berkuasa penuh untuk meluluskan apa-apa syarat, pembaharuan, perubahan dan/atau pindaan yang mungkin dikenakan oleh pihak berkuasa berkaitan dan/atau mengambil tindakan atau melakukan perkara-perkara yang menurut pertimbangan Lembaga Pengarah difikirkan wajar dan perlu untuk kepentingan terbaik Syarikat."

- Untuk melaksanakan mana-mana urusan lain Syarikat yang mana notis mengenainya telah diberi seperti yang termaktub di dalam Akta.

SELANJUTNYA DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA bagi tujuan menentukan Ahli yang layak untuk menghadiri MAT ke-23, Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. ("Bursa Depository") untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung ("ROD") setakat 12 Disember 2013 menurut Artikel 87(B)(1) kepada Tatuusur Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 ("SICDA"). Hanya pendeposit yang mana namanya tercatat di dalam ROD setakat 12 Disember 2013 adalah layak untuk menghadiri mesyuarat tersebut atau melantik proksi-proksi bagi menghadiri dan/atau mengundi bagi pihaknya.

NOTIS KELAYAKAN DAN PEMBAYARAN DIVIDEN AKHIR

DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA bertakluk kepada kelulusan Ahli-ahli di MAT ke-23 yang akan diadakan pada 19 Disember 2013, dividen (*single-tier*) akhir sebanyak 15.0 sen sesaham biasa bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Ogos 2013 akan dibayar pada 31 Disember 2013 kepada Pendeposit-pendeposit yang mana namanya tercatat di dalam ROD setakat 20 Disember 2013.

SELANJUTNYA DIMAKLUMKAN BAHAWA seseorang Pendeposit adalah layak untuk menerima dividen hanya bagi:

- saham-saham yang dipindahkan ke dalam akaun sekuriti Pendeposit sebelum jam 4.00 petang pada 20 Disember 2013 bagi pindahan biasa; dan
- saham-saham yang dibeli di BMSB atas dasar kelayakan menurut peraturan-peraturan BMSB.

DENGAN PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

Norazni binti Mohd Isa

(LS 0009635)

Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur

21 November 2013

NOTA-NOTA PENERANGAN UNTUK URUSAN-URUSAN BIASA:

- Agenda perkara no. 1** adalah bertujuan sebagai perincian sahaja sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 169(1) Akta Syarikat, 1965 yang mana Penyata Kewangan Yang Telah Diaudit tidak memerlukan kelulusan formal pemegang-pemegang saham. Oleh yang demikian, perkara ini tidak dikemukakan untuk pengundian.
- Resolusi Biasa 2 - Cadangan Penambahan Elau Pengarah**
Cadangan penambahan kepada elau Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif ("NED") adalah memandangkan bahawa pada masa kini, NED berhadapan dengan cabaran yang semakin mencabar di dalam melaksanakan tugas-tugas fidusiar, peranan dan tanggungjawab mereka, sama ada secara individu maupun secara berkumpulan dan bagi memastikan lannya adalah setimpal dengan tanggungjawab dan akauntabiliti NED.
Cadangan penambahan elau NED adalah menurut Artikel 116(3) kepada Tatuusur Syarikat dan sekiranya diluluskan, ia akan memberi kuasa kepada penambahan elau NED berjumlah RM180,000.00 setahun kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM120,000.00 setahun kepada NED berkuat kuasa mulai 1 Januari 2013 bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Ogos 2013.
- Resolusi Biasa 5 - Cadangan Pemilihan Semula Pengarah**
Jawatankuasa Penamaan dan Ganjaran Lembaga Pengarah (BNRC) telah menjalankan penilaian terhadap tahap kebebasan bagi Pengarah-pengarah Bebas dan berpuas hati bahawa kesemua Pengarah Bebas telah mematuhi kriteria kebebasan yang ditetapkan oleh Syarikat dan akan terus memberikan pertimbangan yang objektif dan bebas sewaktu perincian Lembaga Pengarah.
- Resolusi Biasa 7 - Cadangan Pelantikan Semula Pengarah Menurut Seksyen 129(6) kepada Akta**
BNRC berpuas hati dengan kemahiran, kecakapan, sumbangan serta pertimbangan bebas yang sentiasa diberikan oleh Tan Sri Dato' Seri Siti Norma binti Yaakob kepada Lembaga Pengarah. Beliau telah menunjukkan bahawa beliau adalah bebas daripada Pengawasan serta bebas dari mana-mana urusan atau hubungan lain yang boleh mengganggu pelaksanaan atau keupayaan beliau untuk memberikan yang terbaik bagi kepentingan Syarikat. Sehubungan dengan itu, Lembaga Pengarah mencadangkan dan menyoal supaya beliau dilantik semula, di mana beliau juga telah menawarkan diri untuk dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat, untuk diluluskan oleh pemegang-pemegang saham di MAT ke-23 Syarikat.

NOTA-NOTA PENERANGAN UNTUK URUSAN-URUSAN KHAS:

- Resolusi Biasa 9 - Cadangan Penyambungan Perkhidmatan Sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Menurut Cadangan 3.3 kepada Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012**
BNRC dan Lembaga Pengarah telah menjalankan penilaian terhadap tahap kebebasan Dato' Zainal Abidin bin Putih, yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat untuk tempoh lebih daripada sembilan (9) tahun, dan bersetuju untuk mengesyorkan supaya Dato' Zainal Abidin bin Putih untuk terus berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat berdasarkan kepada justifikasi-justifikasi berikut:
 - kriteria kepada definisi Pengarah Bebas seperti yang dinyatakan di dalam MMLR telah dipenuhi dan beliau telah menyatakan kesediaan beliau untuk terus memegang jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Syarikat;
 - pengalaman dan kepakaran beliau yang luas membolehkan Lembaga Pengarah melaksanakan tugasnya dengan lebih berkesan dan kompeten;
 - beliau telah berkhidmat dengan Syarikat sebagai Pengarah Bebas bagi tempoh lebih daripada sembilan (9) tahun di mana beliau telah bertindak demi kepentingan Syarikat selain turut memberikan pandangan bebas dalam perincian serta proses membuat keputusan di Mesyuarat-mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah. Beliau juga memahami sepenuhnya objektif dan strategi Syarikat serta operasi bisnes Syarikat dan pasaran industri elektrik;
 - beliau terbukti berupaya untuk menjadi Pengarah Bebas yang berdaya harap serta mempunyai profesionalisme dan perspektif yang meluas terhadap bidang pengiraan, serta dapat memberikan tumpuan masa dan perhatian yang mencukupi dalam melaksanakan tanggungjawab beliau dalam membuat keputusan. Beliau juga memiliki ketekunan yang tinggi serta sentiasa memberi pandangan yang sewajarnya sepanjang tempoh perkhidmatan untuk kepentingan terbaik Syarikat dan pemegang-pemegang saham.
- Resolusi Biasa 10 - Cadangan Untuk Memperbaharui Kuasa Bagi Pembelian Saham Sendiri**
Resolusi Biasa yang dicadangkan, jika diluluskan adalah bagi memberi kuasa kepada Pengarah-pengarah untuk membeli saham-saham Syarikat sehingga 10% daripada modal saham terbitan dan modal berbayar Syarikat dengan menggunakan dana yang diperuntukkan daripada agregat untung tertahan dan/atau akaun premium saham Syarikat. Pemberian kuasa ini melainkan ia dibatalkan atau diubah pada sesebuah mesyuarat agung, akan luput pada MAT Syarikat yang akan datang.
Maklumat terperinci mengenai cadangan untuk memperbaharui kuasa bagi pembelian saham sendiri terdapat di dalam Penyata kepada Pemegang-pemegang Saham bertarikh 21 November 2013 yang diadakan bersama-sama Laporan Tahunan 2013.

Pengecualian Daripada Mengundi

- Semua NED yang merupakan pemegang saham Syarikat adalah terkecual daripada mengundi bagi Resolusi 2 dan 3 berhubung elau Pengarah-pengarah di MAT ke-23.
- Pengarah-pengarah sebagaimana yang dirujuk bagi Resolusi 7 dan 9 yang merupakan pemegang saham Syarikat adalah terkecual daripada mengundi resolusi berhubung pemilihan atau pelantikan semula mereka pada MAT ke-23.

Maklumat Tambahan Mengenai Resolusi 4 hingga 7 dan Resolusi 9

Maklumat tambahan mengenai butir-butir Pengarah-pengarah yang akan bersara seperti yang disyaratkan di bawah Lampiran 8A kepada MMLR diterangkan secara terperinci di dalam Laporan Tahunan.

Nota-nota:-

- Hanya Ahli-ahli yang berdaftar di dalam ROD setakat 12 Disember 2013 adalah layak menghadiri MAT atau melantik proksi bagi menghadiri dan mengundi bagi pihaknya.
- Proksi tidak semestinya seorang Ahli Syarikat dan peruntukan di bawah Seksyen 149(1)(b) kepada Akta adalah tidak terpakai kepada Syarikat.
- Seorang Ahli adalah layak untuk melantik tidak lebih daripada dua (2) orang proksi untuk menghadiri dan mengundi di Mesyuarat ini, sekiranya Ahli adalah seorang penama yang diberi kuasa seperti yang ditakrif di bawah peruntukan SICDA, ia boleh melantik sehingga dua (2) orang proksi bagi setiap Akaun Sekuriti yang dipegang dengan saham biasa Syarikat yang berada dalam kedudukan kredit berhubung Akaun Sekuriti tersebut.
- Jika seorang Ahli melantik (2) orang proksi, pelantikan tersebut tidak sah melainkan peratusan pegangan saham yang diwakili oleh setiap proksi ditetapkan.
- Instrumen pelantikan proksi/Borang Proksi perlu dibuat secara bertulis dan ditandatangani oleh orang yang melantik atau peguam yang dilantik di bawah surat kuasa wakil. Jika instrumen pelantikan proksi dilaksanakan oleh seseorang perbadanan, surat ini hendaklah dimeterai atau ditandatangani oleh seorang pegawai atau peguam cara yang dilantik di bawah surat kuasa wakil.
- Sebuah perbadanan yang menjadi Ahli Syarikat, boleh melalui resolusi Pengarah-pengarahnya atau badan pengawasaan yang lain, memberi kuasa kepada seseorang yang difikirkan sesuai untuk bertindak sebagai wakilnya dalam Mesyuarat ini menurut Artikel 107(6) kepada Tatuusur Syarikat.
- Borang Proksi yang telah lengkap disempurnakan hendaklah diterima oleh Symphony Share Registrars Sdn. Bhd., Aras 6, Symphony House, Pusat Dagangan Dana 1, Jalan PJU 1A/46, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan tidak kurang daripada 48 jam sebelum waktu yang ditetapkan untuk Mesyuarat ini atau **tidak lewat daripada 17 Disember 2013 jam 10.00 pagi**.
- Pada mana-mana mesyuarat agung, setiap soalan yang dikemukakan, resolusi yang dibentangkan atau tindakan di Mesyuarat, dan/atau dalam hal kesamarataan undi, hendaklah diputuskan oleh Ahli yang hadir dan yang berhak mengundi di Mesyuarat Agung dengan cara mengangkat tangan kecuali tuntutan membuang undi diminta oleh sama ada:
 - Pengerusi (sebagai individu yang layak mengundi); atau
 - sekurang-kurangnya lima (5) orang Ahli yang hadir sendiri atau melalui proksi dan layak untuk mengundi; atau
 - mana-mana Ahli atau Ahli-ahli yang memegang atau diwakili oleh proksi atau surat kuasa wakil tidak kurang daripada satu persepuluh daripada modal saham terbitan Syarikat dan layak untuk mengundi.
- Permintaan untuk membuang undi boleh ditarik balik. Walau bagaimanapun, sekiranya pembuangan undi diminta, ia boleh dilaksanakan melalui kaedah dan pada masa dan di tempat yang diarahkan oleh Pengerusi mesyuarat, dan sama ada secara serentak atau selepas suatu tempoh atau penangguhan atau sebaliknya, dan hasil pembuangan undi itu hendaklah disifatkan sebagai resolusi mesyuarat di mana pembuangan undi tersebut dikehendaki.
- Keperluan membuang undi bagi pemilihan seorang Pengerusi mesyuarat dan keperluan membuang undi di atas isu penangguhan mesyuarat hendaklah dibuat di dalam mesyuarat tanpa sebarang penangguhan. Dalam perihal pertikaian atau percanggahan berkaitan penerimaan dan penolakan undian, Pengerusi hendaklah ditentukan dengan cara yang sama dan penentuan yang dibuat adalah dengan niat yang baik serta mutlak dan tidak boleh dipertikaikan lagi.
- Keperluan membuang undi tidak akan menghalang perjalanan sesebuah mesyuarat bagi sebarang transaksi urusan mesyuarat selain daripada urusan mesyuarat di mana pembuangan undi dikehendaki.

Pendaftaran Ahli-ahli/Proksi-Proksi

Pendaftaran Ahli-ahli/Proksi-Proksi yang akan menghadiri Mesyuarat adalah dari jam 7.00 pagi pada hari Mesyuarat diadakan. Ahli-ahli/Proksi-proksi perlu mengemukakan dokumen pengenalan diri untuk pendaftaran.